

PERUNTUKAN KESALAHAN GANGGUAN ORANG KETIGA DALAM PERKAHWINAN : SATU TINJAUAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH NEGERI-NEGERI DI MALAYSIA

Zaini Yusnita Mat Jusoh
zainiyusnita@kuis.edu.my

Sharifah Hana Abdul Rahman
sharifahhanna@kuis.edu.my

Zanariah Dimon
zanariah@kuis.edu.my

Fakulti Syariah Dan Undang-Undang, KUIS

ABSTRAK

Pasangan suami isteri tidak dapat lari daripada menghadapi pelbagai konflik dan perselisihan faham sepanjang mengendalikan rumah tangga. Konflik yang berlaku dalam perkahwinan berpunca dari faktor-faktor dalaman mahupun luaran dan ini termasuklah isu berkaitan orang ketiga. Tiada definisi yang jelas mengenai orang ketiga dalam undang-undang di Malaysia. Orang ketiga boleh jadi sesiapa sahaja daripada kalangan keluarga sendiri sama ada ibu bapa, mertua, adik beradik, ipar duai, sepupu dan sebagainya. Enakmen Jenayah Syariah Negeri-negeri di Malaysia ada memperuntukan mengenai kesalahan jenayah yang melibatkan orang ketiga ini. Namun, jika dilihat daripada aspek pendakwaan kesalahan jenayah syariah, kebiasaannya fokus penguatkuasaan dan pendakwaan hanya melibatkan kes-kes jenayah syariah berhubung akidah dan kesalahan berkaitan kesusilaan seperti khalwat. Dapatan awal daripada kajian yang telah dilakukan, belum ada orang ketiga yang diheret dan didakwa di Mahkamah Syariah sedangkan peruntukan undang-undang berkaitan telah lama wujud. Tinjauan awal kajian juga mendapati tidak banyak kajian lepas didalam jurnal ilmiah, artikel prosiding mahupun didalam media massa yang membincangkan tentang isu ini. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan tentang kesalahan gangguan orang ketiga menurut peruntukan undang-undang jenayah Syariah Negeri-negeri di Malaysia. Hal ini akan dilihat dengan lebih lanjut dalam kertas kerja ini dan dilakukan secara kajian perpustakaan dan dokumentasi.

Kata Kunci: Kesalahan, gangguan orang ketiga, perkahwinan, peruntukan undang-undang, jenayah syariah

Pengenalan

Perkahwinan merupakan satu ikatan murni antara seorang lelaki dan perempuan untuk hidup bahagia bersama dalam sesebuah rumah tangga. Islam telah menggariskan hak-hak dan tanggungjawab yang perlu ditunaikan bagi kedua-dua belah pihak. Hak isteri adalah tanggungjawab suami, manakala hak suami adalah tanggungjawab isteri. Segalanya perlu dilaksanakan seiring dan dijaga dengan sebaik mungkin. Walau bagaimanapun, hubungan suami

isteri dalam mengharungi alam rumah tangga tidak selalunya indah. Pasangan suami isteri tidak dapat lari daripada menghadapi pelbagai konflik dan perselisihan faham sepanjang mengendalikan rumah tangga. Konflik yang berlaku dalam perkahwinan berpunca sama ada dari faktor-faktor dalaman maupun luaran dan ini termasuklah isu berkaitan orang ketiga.

Sabtu hari kes penceraian semakin meningkat terutamanya dikalangan pasangan muda. Satu kajian yang dijalankan oleh Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara iaitu Kajian Penduduk dan Keluarga Kelima telah mengenal pasti beberapa punca utama penceraian atau perpisahan yang berlaku dikalangan orang muda di seluruh Malaysia. Bagi responden dikalangan wanita satu pertiga daripada mereka menyatakan punca utama mereka bercerai adalah kerana tiada persefahaman, kemudian diikuti dengan suami curang dan suami tidak bertanggungjawab. Bagi responden dikalangan lelaki pula, lebih separuh daripada mereka menyatakan punca utama mereka bercerai adalah kerana tiada persefahaman, diikuti dengan campur tangan mertua dan isteri curang. Sehubungan dengan itu, suatu statistik permohonan tribunal dari Jabatan Pendaftaran Negara dari tahun 2013 sehingga 31 Mei 2019 telah menunjukkan tiga kategori masalah utama yang telah direkodkan iaitu masalah kewangan merekodkan sebanyak 17,359 kes manakala bagi kes gangguan pihak ketiga merekodkan sebanyak 6,574 kes manakala bagi kes bertindak kasar secara fizikal maupun mental merekodkan sebanyak 4,884 kes. Pendek kata, berdasarkan statistik yang dinyatakan diatas menunjukkan penceraian oleh gangguan orang ketiga menduduki tangga kedua dan hal ini perlu dipandang serius oleh kita semua. Walaupun kita telah mempunyai undang-undang untuk menangani gangguan pihak ketika seperti yang wujud di dalam Enakmen Jenayah Syariah Negeri-negeri ,namun begitu aspek penguatkuasaannya masih dilihat kabur dan rapuh tanpa wujud suatu tatacara operasi standard bagi mendakwa pihak yang didakwa sebagai orang ketiga yang menganggu perkahwinan orang lain..

Definisi Orang Ketiga Dalam Rumah Tangga

Tiada definisi yang jelas mengenai orang ketiga dalam undang-undang di Malaysia. Orang ketiga boleh jadi sesiapa sahaja sama ada orang yang dikenali atau tidak. Orang ketiga boleh terdiri daripada kalangan keluarga sendiri sama ada ibu bapa, mertua, adik beradik, ipar duai, sepupu sepapat, anak kandung, anak tiri dan sebagainya. Selain itu, orang ketiga juga boleh terdiri daripada orang luar daripada perkahwinan suami isteri tersebut seperti bekas kekasih suami atau isteri, kekasih gelap suami atau isteri, jiran, rakan sekkerja, alumni sekolah, majikan dan sebagainya. Kewujudan orang ketiga boleh menganggu hubungan suami isteri dalam perkahwinan. Kebiasaannya, mereka menjadi punca dan penyebab wujudnya babit-babit ketidakharmonian dalam rumah tangga. Pendefinisian orang tengah dalam kamus adalah pertama perantara, penghubung, muncikari, ibu ayam,pelera, pemisah. Kedua, orang yang tidak menyebelahi mana-mana pihak yang berselisih, orang yang cuba menyelesaikan sesuatu pergambaran antara dua pihak, pendamai, pengadil, wasit dan hakam (Zainal Abidin Safarwan, 1995).

Manakala ahli akademik pula memberikan definisi tentang orang ketiga dalam rumah tangga bermaksud mereka yang dikategorikan sebagai orang ketiga boleh merujuk antara pasangan kekasih lelaki dan wanita, wanita dengan wanita *lesbian* (hubungan sesame jantina yang dimaksudkan sebagai musahaqah dan liwat) (Wahbah Al-Zuhaili, 1991), lelaki dengan lelaki *gay* (persetubuhan dubur sesama lelaki atau perempuan kecuali dubur isteri), kalangan keluarga, saudara-mara, adik beradik, ibu-bapa atau datuk dan nenek (Juani Munir Abu Bakar, 2013) . Menurut Musa Awang (Harian Metro,2013), mendefinisikan orang ketiga dalam rumah tangga

boleh jadi sesiapa sahaja. Boleh jadi orang luar yang dikenali dan mungkin juga orang yang tidak dikenali. Maksudnya sesiapa sahaja boleh dikategorikan sebagai orang ketiga adapun kerabat terdekat mahupun saudara yang bau-bau bacang apatah lagi seseorang yang langsung tidak pernah dikenali. Noor Aziah (Utusan Malaysia, 2010) mengkategorikan orang ketiga ini kepada kekasih gelap, ibubapa, mertua, keluarga serta orang ramai turut dikategorikan sebagai orang ketiga.

Definisi ‘orang ketiga’ menurut Seksyen 37 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 adalah merujuk kepada “mana-mana orang yang menghalang sesuatu pasangan sudah bernikah daripada hidup sebagai suami isteri, manakala seksyen 38 akta sama pula menyatakan mana-mana orang yang menghasut, memaksa atau memujuk lelaki atau orang perempuan supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan dan tanggungjawabnya sebagai suami atau isteri adalah suatu kesalahan.”

Di Selangor pula terdapat tiga peruntukan melibatkan orang ketiga iaitu Seksyen 32, 33 dan 34 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995. Mana-mana pihak yang memujuk lari suami atau isteri, mana-mana pihak menghalang suami isteri menjalankan tanggungjawab dan mana-mana pihak menghasut memujuk suami isteri supaya bercerai atau mengabaikan tanggungjawab dalam rumah tangga boleh dikenakan denda sehingga RM5,000 atau dipenjara sehingga tiga tahun, jika sabit kesalahan. Malah, tafisran orang ketiga boleh juga melibatkan ahli dalam keluarga dalam keluarga sendiri seperti ibu mentua dan sebagainya.

Peruntukan Undang-Undang Menangani Orang Ketiga Dalam Rumah Tangga Menurut Enakmen Jenayah Syariah Negeri -Negeri

Secara umumnya, jenayah merujuk kepada perbuatan jahat yang mana ditegah secara kerasnya sama ada melakukan apa-apa yang dilarang atau meninggalkan apa-apa yang disuruh. Oleh itu, hukuman boleh dikenakan kepada orang yang meninggalkan tanggung jawab yang mesti dilaksanakan atau melakukan sesuatu yang dilarang oleh syarak. Maka para ulama bersepakat membahagikan jenayah Islam kepada tiga bahagian iaitu hudud, qisas dan taa,zir kerana bentuk jenayah yang berbeza antara satu sama lain dan mengambil kira persoalan hak Allah atau hak manusia. Menurut Presiden Persatuan Peguam Syarie, Tuan Musa Awang, undang-undang ini sudah wujud di Malaysia namun tidak dikuatkuasakan. Mungkin orang awam tidak tahu mengenai undang-undang itu atau bukti yang lemah menyebabkan pendakwaan tidak dapat diteruskan, (Harian Metro, 2017). Sebanyak 12 peratus punca perceraian di negara ini disebabkan faktor orang ketiga. Kebanyakan kes dilaporkan adalah membabitkan perbuatan dalam bentuk fizikal atau pun spiritual (sihir). Gangguan dalam bentuk fizikal biasanya membabitkan permainan cinta tiga segi atau pasangan itu bermain kayu tiga. (Berita Harian, 2012) . Ketua Pengarah JKSM Tan Sri Ibrahim Lembut berkata tindakan ke atas orang ketiga itu bakal dikuatkuasakan dengan lebih tegas dan meluas di Wilayah Persekutuan mengikut Akta Kesalahan Jenayah Syariah 1997 (Harian Metro, 2013) Menurut beliau lagi, Akta ini sudah lama digubal tapi tidak dikuatkuasakan mungkin kerana ramai orang tidak tahu tentang perkara ini .

Antara peruntukan undang-undang yang digunakan untuk menangani isu orang ke tiga dalam rumah tangga ialah menurut Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor (1995) (EJSS) di bawah seksyen 32, seksyen 33 dan seksyen 34 bahagian V kesalahan pelbagai.

Seksyen 32 memperuntukan mengenai perihal memujuk lari perempuan yang telah mempunyai suami dengan apa-apa cara yang mana mempengaruhinya supaya meninggalkan suami.“ *Mana-mana orang yang memujuk lari seorang perempuan bersuami atau membawanya pergi atau*

dengan apa-apa cara lain mempengaruhinya supaya meninggalkan rumah tangga yang ditentukan oleh suaminya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya dan mahkamah hendaklah memerintahkan supaya perempuan bersuami itu kembali kepada suaminya". Berdasarkan peruntukan tersebut, sesiapa sahaja yang memujuk lari atau membawanya pergi atau mempengaruhi isteri orang lain untuk meninggalkan rumah dan suaminya, maka dia telah dikira melakukan kesalahan dan boleh dikenakan tindakan undang-undang iaitu denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.

Selain itu Seksyen 33 EJSS pula memperuntukan mengenai seorang yang menghalang pasangan yang sudah benikah daripada hidup sebagai suami dan isteri . " *Mana-mana orang yang menghalang sesuatu pasangan yang sudah bernikah dengan sah daripada hidup sebagai suami isteri adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan mahkamah hendaklah memerintahkan pasangan itu supaya hidup sebagai pasangan suami isteri yang sudah bernikah dengan sah.*" Berdasarkan peruntukan tersebut, sesiapa sahaja yang menghalang pasangan yang sudah berkahwin hidup sebagai suami isteri adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan undang-undang dengan hukuman lima tahun penjara dan denda tidak melebihi .Terdapat juga peruntukan yang khusus mengenai seorang yang menghasut, memaksa suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan. Seksyen yang berkaitan ialah seksyen 34 EJSS. Seksyen ini memperuntukan seperti berikut iaitu " *Mana-mana orang yang menghasut, memaksa atau memujuk mana-mana suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan atau tanggung jawabnya kepada isteri atau suami atau keluarganya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali*".Seksyen ini memperuntukan bahawa sesiapa sahaja sama ada lelaki atau perempuan yang menghasut, memaksa atau memujuk mana-mana suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan atau tanggung jawabnya kepada isteri atau suami atau keluarganya adalah melakukan suatu kesalahan. (Zaini Yusnita Mat Jusoh & Zanariah Dimon, 2014)

Manakala Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559) di bawah Seksyen 36 Akta memperuntukkan '*Mana-mana orang yang memujuk lari seorang perempuan bersuami atau membawanya keluar dari atau dengan apa-apa cara mempengaruhinya supaya meninggalkan kediaman suami isteri yang ditentukan oleh suaminya adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah boleh memerintahkan perempuan tersebut supaya kembali kepada suaminya.*' Seksyen 37 Akta yang sama juga memperuntukan '*Mana-mana orang yang menghalang sesuatu pasangan yang sudah bernikah daripada hidup sebagai suami isteri yang sudah bernikah dengan sah adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya, dan Mahkamah hendaklah memerintahkan pasangan itu supaya hidup sebagai pasangan suami isteri yang sudah bernikah dengan sah.*'. Seksyen 38 Akta sama memperuntukkan – '*Mana-mana orang yang menghasut, memaksa atau memujuk mana-mana orang lelaki atau orang perempuan supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan dan tanggungjawabnya sebagai suami atau isteri adalah*

melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. '(Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan , 1997)

Enakmen negeri-negeri lain yang mempunyai peruntukan yang sama ialah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001 di bawah Seksyen 43 kesalahan memujuk lari perempuan bersuami, Sesyen 44 kesalahan menghalang pasangan yang sudah bernikah daripada hidup sebagai suami isteri dan seksyen 45 kesalahan menghasut suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan kewajipan. Enakmen Jenayah Syariah 1992 Perak pula memperuntukan mengenai kesalahan jenayah orang ketiga ini di bawah seksyen 8 dan 17 iaitu menghasut perempuan bersuami atau lelaki beristeri supaya bercerai atau mengingkari kewajipan dan tanggungjawab dan kesalahan milarikan isteri orang dan menghalang suami isteri duduk bersama. Peruntukan mengenai kesalahan jenayah orang ketiga ini juga di bawah Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1988 Kedah, seksyen 36, 37, dan 38, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1996 Pulau Pinang, seksyen 8 dan 16 , Enakmen Kanun Jenayah Syariah 1991 Perlis, seksyen 36, 37 dan 38 . Kesalahan jenayah orang ketiga ini juga telah di peruntukan di bawah Jenayah Syariah 1995 Sabah dan Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001 Sarawak. Berdasarkan peruntukan-peruntukan di dalam Enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri sesiapa sahaja sama ada lelaki atau perempuan yang menghasut atau memaksa atau memujuk suami atau isteri supaya bercerai dan meninggalkansuami atau isteri,(Nur Anis Nabila,2019)

Kesimpulanya di sini, terdapat tiga jenis kesalahan jenayah dan bentuk hukuman yang sesuai untuk diberikan kepada pihak ketiga yang mempunyai niat yang negatif dalam rumah tangga. Kesalahan tersebut ialah memujuk isteri orang supaya lari dari rumah, mempunyai niat untuk memecahbelahkan rumah tangga seseorang dengan menghalang pasangan suami isteri hidup sebagai suami isteri dan perbuatan menghasut, memaksa atau memujuk mana-mana suami atau isteri agar bercerai atau mengabaikan tanggung jawab kepada isteri atau suami atau keluarganya. Kebiasaanya hukuman yang dikenakan keranaan kesalahan jenayah syariah di Malaysia yang dilaksanakan di mahkamah syariah adalah penjara dan denda. Secara teorinya, kesalahan yang hukuman maksimum EJSS hanya RM5000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali. Hukuman yang dilaksanakan terhadap kesalahan jenayah syariah ini masih lagi tidak bertentangan dengan apa yang diperuntukan oleh undang-undang di peringkat Persekutuan.(Hamid Jusoh,2007).

Prosedur Menangani Kesalahan Jenayah Orang Ketiga Dalam Rumah Tangga.

Dalam konteks undang-undang jenayah syariah pula, penguatkuasaan terhadap undang-undang tersebut lazimnya dijalankan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) daripada kalangan anggota perkhidmatan awam Persekutuan atau perkhidmatan bersama, untuk menjalankan penyiasatan kesalahan-kesalahan di bawah enakmen tersebut atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam (Siti Zubaidah Ismail, 2008). Peranan yang dimainkan oleh PPA ini begitu penting kerana ia merupakan pelaksana dari segi penguatkuasaan undang-undang syariah atau penguatkuasaan jenayah syariah. Penguatkuasaan jenayah syariah merujuk kepada melaksanakan peraturan yang diperuntukkan di bawah mana-mana undangundang Islam yang sedang berkuatkuasa seperti peruntukan yang terdapat di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri. Penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di dalam Islam adalah lebih bertujuan untuk menyuruh masyarakat kepada kebaikan dan mencegah daripada berlaku kemungkarhan. Ia juga dikenali sebagai hisbah.

Pihak ketiga ini boleh membuat aduan ke Bahagian Penguatkuasa Jabatan Agama Islam, supaya orang ketiga ini disiasat, dan seterusnya di dakwa oleh Pendakwa Syarie. Kesalahan-kesalahan tersebut adalah tergolong dalam kesalahan boleh tangkap, yakni pada lazimnya Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) boleh menangkap tanpa waran. Jika didapati aduan tersebut perlu disiasat, PPA akan menjalankan tindakan lanjut atas aduan atau maklumat yang diterima. Kesalahan yang dinyatakan di atas, kebanyakannya berlaku secara tidak langsung, dan sukar untuk dibuktikan. Contohnya, apabila keluarga mertua tidak berkenan dengan menantunya, pastinya akan memburuk-burukan pihak menantu atau menimbulkan konflik dalam perkahwinan, sehingga akhirnya berlaku perceraian. Oleh sebab itu, aduan yang hendak dibuat perlu dikemukakan dengan bukti yang kukuh, bukan setakat cakap, dengar atau kerana dendam kesumat sahaja. Aduan tanpa bukti kukuh akan menyukarkan pihak pendakwaan untuk membawa kes tersebut di mahkamah. (Musa Awang, 2013). Setelah sesuatu siasatan oleh pegawai penguatkuasa agama itu selesai serta berjaya mengumpul keterangan yang cukup kukuh untuk mengaitkan tertuduh dengan pertuduhan, kertas siasatan hendaklah dimajukan kepada pendakwa syarie negeri. Ketua pendakwa syarie seterusnya akan meneliti kertas siasatan dari semua sudut sebelum memutuskan samada sesuatu pertuduhan dan pendakwaan akan dibuat ataupun sebaliknya. Sekiranya pendakwa syarie masih belum berpuashati dengan keterangan yang dikemukakan, beliau boleh mengarahkan pegawai penguatkuasa agama untuk meneruskan siasatan bagi mengumpul lagi keterangan-keterangan lain dalam usaha memperkuatkan lagi keterangan yang sedia ada. Tetapi sekiranya ketua pendakwa syarie berpuashati dengan kertas siasatan serta kekuahan keterangan yang dikumpulkan dalam siasatan, maka Ketua pendakwa syarie akan mulakan tugas-tugas melakukan pendakwaan ke atas tertuduh. (Azam Mohd, 1997). Selain membuat penyiasatan, PPA juga mempunyai kuasa untuk memerintahkan kehadiran saksi untuk mendapatkan maklumat yang lebih mendalam terhadap aduan yang dibuat. Keengaman saksi untuk hadir di hadapan PPA yang menjalankan siasatan adalah merupakan satu kesalahan dan boleh dilaporkan kepada Hakim Syarie di mana hakim boleh mengeluarkan waran bagi memastikan kehadiran saksi tersebut seperti yang dikehendaki.(Shamrahyu A.Aziz,2007).

Kesimpulan

Ramai masyarakat masih tidak mengetahui dan menyedari akan kewujudan peruntukan undang-undang yang boleh melindungi rumah tangga. Enakmen Jenayah Syariah Negeri –negeri telah peruntukan undang-undang yang sesuai untuk menangani isu orang ketiga dalam rumah tangga. Malah hukuman bagi kesalahan tersebut juga telah termaktub dalam enakmen tersebut.. Hanya sebilangan kecil sahaja yang mengambil tindakan untuk menentang orang ketiga ini manakala yang selebihnya mengambil jalan mudah dengan bercerai. Akhirnya pihak ketiga tidak dikenakan apa-apa tindakan dan bebas begitu sahaja sehingga mereka pula yang berkahwin dengan pasangan suami atau isteri yang telah bercerai. Hal ini menyebabkan isu orang ketiga ini akan sentiasa berterusan kerana mereka sentiasa terselamat walaupun pada hakikatnya wujud undang-undang mengenai kesalahan yang dilakukan oleh mereka serta terdapat hukuman penjara dan denda sekiranya mereka disabitkan bersalah.

RUJUKAN

- Ahmad 'Azam Mohd Shariff , 20Prosedur Pendakwaan Jenayah Syariah: Analisis ke atas Peruntukan Undang-undang dibawah Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 dan Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997,
- Hamid Jusoh, 2007. Perkembangan Undang-Undang Jenayah Islam Di Malaysia. Undang-Undang Islam Jenayah, Keterangan Dan Prosedur. Ampang. Dawama Sdn. Bhd.
- Hussain Mazhahiri, 2004.Membangun Syurga Dalam Rumah Tangga. Kuala Lumpur. Perpustakaan Nasional.
- Ibrahim Lembut, 2013, Orang Ketiga Dalam Hubungan Suami Isteri Akan Dikenakan Tindakan Undang-undang?, Harian Metro, 2013.
- Muhammad Mustafa Al-Zuhaily, 2012. Al-Mu'tamad Dalam Fiqh Mazhab Syafie. Kuala Lumpur. Persekutuan Seruan Islam Selangor
- Musa Awang.2013,Orang Ketiga Boleh Di Hukum. Harian Metro Khamis 11 April 2013.
- Noor Aziah. 2010. Utusan Malaysia 3 Mac 2010.
- Nur Anis Nabila Muhamad dan Nurbazla Ismail , 2019 , Pelaksanaan Undang Di Mahkamah Syariah Melibatkan Orang Ketiga Dalam Rumahtangga, Jurnal of Advance Research In Behaviour and Social Sciences. Volume 16, Issue 1 (2019).15-24.
- Saadiah Ismail, 2012, Berita Harian. 8 November 2012
- Shamrahayu A.Aziz, 2007. Perkembangan Undang-Undang Jenayah Islam DiMalaysia. Kuasa Pegawai Penguatkuasa Agama. Ampang. Dawama. Sdn. Bhd.
- Zainal Abidin Safarwan. 1995 . Kamus Besar Bahasa Melayu .Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd
- Zaini Yusnita Mat Jusoh & Zanariah Dimon, 2014.) “Undang-Undang Menangani Orang Ketiga Dalam Rumah Tangga: Satu Sorotan Dalam Undang-Undang Jenayah Syariah Negeri Selangor Dan Undang-Undang Keluarga Sivil”. International Research Management And Innovation Conference, Kuala Lumpur. 220-234.